

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.6 (21)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 4 TAHUN 2019**

Tarikh : 29 April 2019 (Khamis)
Masa : 10.30 Pagi – 12.48 Tengahari
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Mac dan April 2019.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja MBPJ di atas kerjasama dan komitmen kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program Majlis. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu dan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan 'delivery system' yang berkesan dan semangat kerja berpasukan di antara Ahli Majlis dan



warga kerja Majlis. Justeru itu, di dalam menggalas tanggungjawab ini adalah amat penting bagi semua warga kerja dan Ahli-ahli Majlis memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan tahap professionalism masing-masing.

3.2 **ANUGERAH SENI BINA LANDSKAP MALAYSIA 2019 : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA RANGKUL ANUGERAH HONOR**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah diumumkan sebagai Pemegang Anugerah Honor di Majlis Anugerah Senibina Landskap Malaysia 2019, yang berlangsung di salah sebuah hotel di Kelana Jaya, melalui Projek Komuniti Jabatan Landskap iaitu “Soup Kitchen@Kebun Kita”.

Anugerah ini merupakan tahun kedua berturut-turut Majlis menggondol anugerah yang sama di bawah kategori Inisiatif Hijau (Kerajaan) selepas memenangnya tahun sebelumnya bagi Projek Komuniti “Agrobox@Kebun Kita”.

Soup Kitchen@Kebun Kita merupakan projek perintis yang diadakan untuk membasmi kemiskinan bandar di sekitar Petaling Jaya. Projek ini bertujuan untuk membaik pulih gaya hidup dan persekitaran di sekitar penempatan perumahan rakyat dengan kerjasama Komuniti PPR Seksyen 8 Kota Damansara dan ‘Friends of Kota Damansara’ (NGO).

Dilancarkan pada 9 April 2017, Jabatan Landskap telah mengenal pasti beberapa kawasan terbiar dan bermasalah berhampiran dengan gugusan Pangsapuri PPR Seksyen 8 untuk dijadikan sebagai lokasi program Kebun Kita, iaitu program kebun komuniti PJ. Soup Kitchen merupakan salah satu inisiatif di Kebun Kita tersebut, di mana tanah terbiar itu, dengan kerjasama komuniti PPR Seksyen 8, telah ditransformasikan kepada sebuah kebun sayur-sayuran organik, yang membekalkan makanan segar secara percuma kepada komuniti tersebut, terutama kepada keluarga-keluarga yang mengalami kekangan kewangan dan kesempitan hidup. Program ini juga menggunakan moto “Utamakan Masyarakat” yang memberi penekanan kepada kepentingan komuniti, melebihi kepentingan individu ataupun orang perseorangan.

Soup Kitchen@Kebun Kita merupakan bukti kejayaan kerjasama berterusan di antara badan kerajaan, komuniti dan NGO. Program ini telah menjadi platform untuk menaikkan taraf kehidupan masyarakat, memupuk sikap berpasukan dan suasana harmoni di kalangan masyarakat.

3.3 USAHAWAN MIKRO BAZAR RAMADAN DINAMIK 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Bengkel dan Taklimat Usahawan Mikro Bazar Ramadan Dinamik 2019 bertempat di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ. Bengkel dan taklimat ini adalah merupakan kursus bazar Ramadan yang dianjurkan oleh Majlis saban tahun.

Bengkel dan Taklimat Usahawan Mikro Bazar Ramadan Dinamik 2019 merupakan satu platform pendidikan serta percambahan ilmu pengetahuan kepada usahawan mikro untuk mengembangkan perniagaan selepas tamat permit bazar ramadan. Pada masa yang sama, usahawan mikro akan didedahkan teknik perniagaan yang berkesan serta cara mudah mendapatkan bekalan barangan murah dan berpatutan.

Antara pengisian bengkel ini adalah sesi penerangan kempen sifar penggunaan beg plastik (*Roadmap Towards Zero Single Used Bag Plastic 2018-2030*) oleh Yayasan Hijau Malaysia, taklimat masyarakat tanpa tunai (*Cashless Society*) oleh wakil *Boost e-Wallet*, taklimat pemasaran produk atas talian oleh Syarikat Best Marketing Distribution Sdn. Bhd dan MYNIC Berhad, taklimat pematuhan syarat-syarat permit bazar, taklimat peniaga berintegriti (pencarian Pemenang Bazar Ramadan 2019) dan taklimat pelaksanaan kaedah pemantauan menggunakan sistem imbasan cap jari (*Thumb print*) dan sistem Demerit. Pada hari yang sama juga turut diadakan sesi cabutan undi tapak bazar ramadan bagi zon PJU dan zon PJS.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pelaksanaan pematuhan syarat permit bazar diteruskan dan diperketat agar pengurusan bazar lebih sistematik, bersih dan teratur. Statistik pelanggaran syarat permit bazar ramadan yang telah direkodkan bagi **tahun 2018** adalah seperti berikut:

Jenis Kesalahan	Zon PJU (407 Petak / Peniaga)	Zon PJS (697 Petak / Peniaga)
Tidak berniaga sendiri	64	127
Tidak berniaga langsung	114	115
Tukar petak	14	10
Tukar jenis jualan	6	10
Menggunakan lebih dari satu petak	3	15
Lain-lain kesalahan ketika mengendalikan makanan	70	156

Majlis komited terhadap isu peniaga tanpa lesen (PTL) di Petaling Jaya. Beberapa perancangan dan pelaksanaan konsep penyelesaian akan dijalankan di empat (4) lokasi yang telah dikenalpasti iaitu :

- i. Jalan Besar, Taman Dato Harun – lokasi penempatan : Di Jalan PJS 2/1, Taman Dato Harun.
- ii. Jalan PJU 10/1, Damansara Damai – lokasi penempatan: Lot 70261 Jalan PJU 10/1 Damansara Damai.
- iii. Jalan Cecawi Seksyen 6 dan Jalan Camar Seksyen 4 Kota Damansara dalam perancangan menempatkan semula mengikut konsep yang bersesuaian.

MBPJ juga telah melaksanakan sistem imbasan cap jari (*Thumbprint*) iaitu semua pemegang lesen perlu membuat pengesahan cap jari ketika menerima lesen pembaharuan atau lesen permohonan baru. Setakat April, penggunaan sistem imbasan cap jari telah merekodkan seramai 18,383 pemegang lesen. Manakala seramai 3,135 pemegang lesen yang mempunyai masalah Mykad rosak atau masalah kesukaran jari untuk diimbas oleh sistem direkodkan secara manual.

Majlis juga akan melaksanakan sistem demerit iaitu setiap kesalahan yang dilakukan akan melalui sistem penolakan markah. Kategori kesalahan telah dijadualkan kepada dua (2) iaitu kesalahan kritikal dan tidak kritikal. Bagi kesalahan kritikal penolakan markah lebih banyak berbanding dengan kesalahan tidak kritikal. Setiap penolakan markah ini akan disemak dan dibentangkan melalui satu jawatankuasa yang telah dilantik. Bagi kesalahan yang dilakukan, sistem pemarkahan dan tindakan susulan akan dijalankan seperti berikut:

Markah	Tindakan
20 markah pertama ditolak	Notis pemberitahuan kepada pemegang lesen
40 markah terkumpul	Notis peringatan kepada pemegang lesen
50 markah terkumpul	Notis cadangan pembatalan kepada pemegang lesen

Pada tahun ini, Majlis akan menganjurkan Program Jalinan Kasih bersama usahawan mikro yang berminat untuk menyumbangkan

makanan dan minuman bagi juadah berbuka puasa kepada golongan yang memerlukan seperti golongan asnaf, ibu tunggal, OKU dan lain-lain lagi. Program ini merupakan usaha Majlis untuk membantu golongan berkenaan ke arah 'zero poverty' selari dengan matlamat dan objektif 'sustainable development goals'.

Kerjasama antara Majlis dan usahawan yang berminat dapat memberi satu perkongsian yang baik kepada masyarakat di Petaling Jaya. Hasil sumbangan daripada program jalinan kasih ini akan dikumpul dan diserahkan kepada golongan terpilih melalui Ahli Majlis MBPJ setiap zon.

3.4 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA SEMAI TABIAT MEMBACA

Pada 23 April 2019 yang lalu, Majlis telah mengadakan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit / 'Let's Read Together For 10 Minutes' yang telah diadakan untuk kali ke-6 sejak tahun 2014. Program ini merupakan sebuah program yang diadakan secara serentak di seluruh Malaysia yang bertujuan untuk memastikan tabiat atau budaya membaca di kalangan masyarakat setanding dengan negara maju di dunia. Objektif program ini juga seiring dengan sokongan dan dengan seruan Kerajaan dalam menuju ke arah Dekad Membaca Kebangsaan 2030.

Selain itu, program ini juga turut mendorong masyarakat membaca, di mulai dengan langkah awal selama 10 minit dan diharapkan budaya membaca selama 10 minit ini dijadikan budaya setiap hari dan sepanjang masa. Kerajaan juga telah mensasarkan Malaysia untuk menjadi negara maju dan salah satu indikator negara maju adalah kadar rakyatnya yang suka dan rajin membaca.

Pelaksanaan program ini diharapkan dapat memupuk dan menyemai minat membaca di kalangan rakyat Malaysia sekaligus menjadikan Perpustakaan Awam Negeri-negeri di seluruh negara relevan dan sangat dekat di hati masyarakat.

3.5 HARI TERBUKA SMART PJ WASTE SOLUTION LAB

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Hari Terbuka Smart PJ Waste Solution Lab @SS2 pada 20 April 2019 yang lalu bertempat di Jalan SS 2/63, Petaling Jaya. Penganjuran program ini adalah bersempena sambutan Hari Bumi yang dianjurkan pada setiap 22 April sebagai usaha menghargai dan menyemai rasa tanggungjawab serta

meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar.

Antara aktiviti yang diadakan adalah jualan bahan tanaman tumbuhan seperti bahan kompos cecair (liquid compost), anak pokok, biji benih serta demonstrasi penggunaan kaedah penanaman sayur-sayuran secara hidroponik. Majlis juga turut memberikan 1 botol berkapasiti 1.5 liter bahan kompos cecair kepada 300 pengunjung terawal.

3.6 OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN NEGERI SELANGOR

Pada 23 April 2019 yang lalu, Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan yang melibatkan penjaja dan pusat mencuci kenderaan di sekitar kawasan Petaling Jaya.

Hasil daripada serbuan tersebut, sebanyak 11 pemeriksaan ke atas aktiviti perniagaan dan 45 pemeriksaan individu telah dilaksanakan. Majlis telah menyalahkan 11 tindakan sitaan ke atas aktiviti perniagaan tanpa lesen. Manakala, seramai 18 individu telah ditahan untuk siasatan selanjutnya oleh pihak Jabatan Imigresen. Operasi-operasi sebegini akan diteruskan bagi memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 3 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 28 Mac 2019 disahkan dengan pindaan bagi perkara 7.2 di muka surat 21 iaitu:-

UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK THAYALAN A/L KRISHNASAMY.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 28 MAC 2019.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1.	<p>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK FARHAN HAZIQ BIN MOHAMED</p> <p>- TAMAN- TAMAN AWAM</p>	<p>Perabot taman-taman awam dipantau secara berkala dan melalui sistem aduan oleh kakitangan bersama kontraktor yang dilantik bagi memastikan perabot taman berada dalam keadaan baik dan selamat.</p> <p>Jabatan memperuntukkan anggaran RM 6 juta setahun bagi penyelenggaraan taman-taman awam. Bagi tujuan promosi taman-taman awam, jabatan sedang mengumpul semula maklumat-maklumat berkaitan taman -taman yang baru diambil alih daripada pemaju. Maklumat-maklumat ini akan disalurkan kepada orang awam secara bercetak dan juga secara digital.</p> <p>Jabatan Penguatkuasaan ada menjalankan pemantauan di taman-taman awam Majlis serta menjalankan operasi terhadap aktiviti memancing secara haram. Jabatan pernah mencadangkan untuk melantik ranger taman tetapi tiada calon yang bersesuaian.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
------------------	---------	-----------------------

		Jabatan turut menganjurkan program-program di beberapa taman awam setiap tahun. Selain daripada itu, Jabatan Kemasyarakatan dan Jabatan Perancangan Bandar turut menjalankan aktiviti seperti Kota Seni, PJRC, PJ Joran, Car Free Day dan sebagainya di taman-taman awam Majlis.
--	--	--

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 25 MAC 2019, 9 APRIL 2019 DAN 22 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (39))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (41))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (43))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 9 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 6 (83))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 15 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (14))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 4.2.2 di muka surat 10 seperti berikut:-

Ahli Majlis Encik Ong Yew Thai mencadangkan untuk tidak membenarkan pengguna membelok kanan daripada Jalan SS 5A/8.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 16 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 JLD. 2 (40))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 16 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (89))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (18))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 29 APRIL 2019.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (16))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 6.3.1 di muka surat 59 seperti berikut:-

Ahli Majlis, Puan Pua Ghin Chu memaklumkan Majlis telah menerima cadangan daripada Klinik Ronnie di Jalan SS 26/8 untuk ...

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 18 APRIL 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (48))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan dan pindaan ayat seperti berikut:-

Tambahan ayat bagi:-

perkara 7.2 ii di muka surat 11

Beliau memohon agar jabatan menetapkan satu tarikh untuk lawatan ke tapak tersebut.

perkara 7.2 iii di muka surat 12

Encik Tang Fuie Koh meminta supaya pihak MRT untuk membetulkan semula kawasan tersebut seperti sedia ada dan cadangan agar `urban forest' dibuat di tapak tersebut.

Perkara 7.5.i di muka surat 13

Kawasan Lapang Bukit Mayang Emas dan Taman Megah Mas.

Pindaan bagi perkara 7.8 di muka surat 14

Masalah Tikus di Kawasan Komersil Seksyen 20.

Encik Farhan Haziq bin Mohamed memaklumkan terdapat isu tikus di kawasan komersil Seksyen 20 yang perlu diambil tindakan segera.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 19 APRIL 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (45))

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan dan tambahan ayat seperti berikut:-

Tambahan ayat bagi perkara p) di muka surat 10.

Encik Terence Tan Teck Seng berharap kakitangan MBPJ dapat memuat turun aplikasi tersebut dan sama-sama menolong menjalankan pemantauan dan membuat aduan terus melalui aplikasi itu.

Pindaan ayat bagi perkara 5.4.1 b) perenggan 8 di muka surat 11 (ayat dikeluarkan)

... membayar token seringgit seorang kepada Majlis. Beliau berharap pihak jabatan mendapatkan maklumat dari pihak Sting Ray...

Pindaan ayat bagi perkara 7.1.2 di muka surat 16.

Beliau mencadangkan semula supaya pihak jabatan mewujudkan alternatif bagi menempatkan kanak-kanak di Taska jika ditutup kerana penyakit berjangkit. Beliau juga...

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 22 APRIL 2019. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (54))

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN RAHIBAH BINTI CHE OMAR

Beliau mengucapkan salam kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar kerana dilantik sebagai Datuk Bandar MBPJ. Kami barisan ahli majlis khususnya, sangat teruja untuk bekerjasama dengan YBhg. Datuk bagi memacukan lagi pencapaian visi untuk menjadikan Petaling Jaya Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kerana di beri laluan menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.

Bulan April merupakan antara bulan yang paling sibuk terutamanya bagi aktivis alam sekitar. Tarikh 22hb April di sambut setiap tahun sebagai Hari Bumi bertujuan untuk menzahirkan rasa prihatin masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin kesejahteraan sejagat.

7.1.1 Tanggungjawab Pengguna

Pada hari ini beliau ingin menyentuh berkaitan matlamat pembangunan lestari (Sdg 12), pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan kepenggunaan bertanggungjawab untuk menjadi pengguna yang bertanggungjawab.

Beliau menyatakan bahawa perkara pertama yang mesti ada ialah kesedaran untuk membuat tindakan. Pihak PBT selaku salah satu pemain, bertanggungjawab menyebarkan luas kesedaran ini melalui aktiviti-aktiviti dan polisi-polisi yang mendokong penjagaan alam sekitar. Beliau mengucapkan tahniah kepada MBPJ yang sentiasa komited dan konsisten memperjuangkan idea penjagaan alam sekitar. Majlis memperkenalkan pelbagai kempen antaranya Kempen 3R, Kempen 5R, Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA), sistem solar dan insentif rebat cukai pintu.

Anugerah Bangunan Ceria yang memberi keutamaan dalam sistem penarafan Index Bangunan Hijau di perkenalkan untuk menggalakkan pemaju, arkitek dan jurutera agar lebih kreatif melahirkan pembangunan yang berciri hijau dan mesra alam. Berbagai pertandingan juga diadakan oleh MBPJ untuk memupuk kesedaran menjaga alam sekitar, bermula seawal dari peringkat tadika sehingga memasuki persatuan-persatuan penduduk. Usaha-usaha berterusan memperkenalkan dan menggalakkan pengasingan sampah, kitar semula, penghasilan baja kompos, sifar sisa sehinggalah terbinanya Pusat Pelupusan PJ Smart Waste Solution di SS2 dan PJ Eco Re-cycling Plaza di SS8. Tahniah kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal yang telah menjayakan projek tersebut.

Beliau berharap agar setiap kempen yang di perkenalkan haruslah mampu membawa masyarakat untuk turut sama terlibat, menjadikan mereka sebagai sebahagian dari penggerak kempen, sehingga setiap orang sedar dan ingin menjadi pihak yang menyumbang kearah perubahan.

7.1.2 Pengharaman Penggunaan Plastik

Satu isu yang hangat di perkatakan sekarang ialah tentang penggunaan plastik sekali guna dan kesannya terhadap alam sekitar. Satu kajian dari Yayasan Allen Mac Arthur menyebut, sekiranya manusia tidak dapat mengawal tabiat penggunaan beg plastik ini, di tahun 2050, plastik akan memenuhi lautan lebih banyak dari ikan. Bayangkan! Kerajaan hari ini bertindak berani dengan mengambil serius menangani masalah alam sekitar yang di sebabkan oleh penggunaan beg plastik sekali guna.

Plastik mengambil masa puluhan tahun untuk terurai. Beratus juta haiwan marin mati di sebabkan plastik sama ada kerana menyangka ia adalah makanan atau kerana terpalit dengan buangan plastik. Pada 31 Oktober 2018, Menteri di Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam sekitar dan Perubahan Iklim, YB. Yeo Bee Yin telah melancarkan pelan tindakan dan rangka kerja 12 tahun dan untuk menyingkirkan penggunaan plastik sekali guna di Malaysia menjelang 2030.

Usaha kerajaan ini sebenarnya bukanlah satu usaha yang baru. Bangladesh contohnya mengharamkan penggunaan plastik sekali guna sejak tahun 2002. Kenya mengenakan hukuman

penjara 4 tahun atau denda \$40,000 ke atas syarikat yang di dapati bersalah mengeluarkan atau menjual beg plastik. Costa Rica, sebuah negara kecil di Amerika Tengah mengharamkan sama sekali segala jenis penggunaan plastik sekali guna dengan harapan menjadikan negara itu bebas plastik sekali guna di tahun 2021.

Persoalan yang timbul bagi program majlis yang diadakan di luar kawasan pejabat MBPJ iaitu bagaimanakah pihak catering membekalkan makanan, adakah mereka menggunakan cawan dan bekas plastik yang di buang selepas sekali penggunaan atau adakah mereka menggunakan bekas alternatif atau yang senang urai, adakah bangunan, dewan MBPJ menyediakan fasiliti yang cukup untuk menyokong usaha menggunakan bahan selain dari plastik sekali guna. Pemandangan lambakan bekas plastik sekali guna selepas setiap kali acara adalah satu pemandangan yang biasa dan sisa yang dicampur adukkan.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar MBPJ menjadi contoh dan membuktikan majlis bukan sahaja bijak melancarkan kempen yang berbagai, tetapi serius untuk melaksanakan apa yang di kempenya. Setiap jabatan mestilah membantu melaksanakan kempen-kempen ini dengan merasa sensitif dan kreatif bagi mencari pilihan alternatif yang mesra alam.

7.1.3 Mengurangkan Pelepasan Karbon Dioksid Di Udara.

Bagi isu di atas, beliau memfokuskan kepada penggunaan pengangkutan awam, kongsi kereta dan pejalan kaki. Pihak Majlis telah memperkenalkan perkhidmatan bas percuma pada tahun 2013. Ia adalah salah satu usaha memberi kemudahan kepada masyarakat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai satu tempat berdaya huni. Antara strategi hijau untuk mengurangkan pembebasan karbon juga ialah menggalakkan masyarakat berbasikal. Laluan khas basikal telah di buat di beberapa kawasan namun tiada aktiviti dan dasar susulan yang dilaksanakan untuk menjayakan hasrat penggunaan basikal ini. MBPJ boleh mula menggalakkan kakitangan berbasikal ke pejabat. Berbasikal bukan sahaja dapat membantu mengurangkan pembebasan karbon, ia juga menyumbang kepada kesihatan fizikal. Bayangkan sekiranya MBPJ menjadi PBT pertama yang mendokong program "Berbasikal ke Tempat Kerja". Suatu idea yang dikira wajar untuk di terokai.

Selain dari laluan basikal, laluan pejalan kaki adalah cukup penting sekiranya pihak majlis benar-benar hendak menggalakkan masyarakat berjalan kaki ke sesuatu tempat. Beliau menyeru agar pihak MBPJ dapat menyemak semula laluan siarkaki sedia ada dengan mengambilkira perkara-perkara di bawah:-

- a) Segera membaiki laluan yang telah rosak, pecah dan membahayakan pengguna.
- b) Ada laluan yang tidak cukup spesifikasi keselamatannya, sempit, di bina sekadar ada.
- c) Ada laluan pejalan kaki yg tidak mesra pengguna, mengeneipkan keperluan ibu mengandung, orang kelainan upaya dan wargaemas.
- d) Ada laluan yang gelap dan masalah lampu yang berulang. Pemasangan lampu LED tidak wajar di lambat-lambatkan.
- e) Laluan pejalan kaki berbumbung menghubungkan satu tempat dengan yang lain pasti mengembirakan pengguna.

Beliau pasti, sekiranya pihak majlis berjaya membina kemudahan pejalan kaki yang menepati ciri keselamatan dan keselesaan pengguna, di sepadukan dengan jalinan pengangkutan awam yang cekap, ramai pemandu kereta persendirian akan berubah menggunakan pengangkutan awam dan berjalan kaki.

7.1.4 Menanam Pokok Dan Mengelakkan Tebang Pokok

Salah satu cara mengawal perubahan iklim ialah dengan memastikan pertumbuhan pokok baru dan menjaga kesihatan pokok-pokok lama. Akta 172 pindaan A933 memperuntukkan PBT memelihara dan menjaga pokok dari di tebang dengan sewenang-wenangnya. Menyedari keterbatasan ruang untuk penanaman pokok, konsep Kebun Bandar dan Kebun Kita di perkenalkan. Selain menggalakkan penduduk menanam pokok, aktiviti "Kebun Bandar" mestilah di perluaskan lagi sehingga ia menjadi satu budaya cara mengisi masa lapang penduduk dan melahirkan warga yang sehat.

7.1.5 Sifar Sisa

Apa sahaja bentuk pembaziran perlu di benteras dari asas. Untuk operasi dalaman majlis, sudah sampai masanya bahagian pengurusan mengkaji semula dan memperkemas SOP pejabat. Mengurangkan penggunaan kertas setiap kali tuntutan kewangan di buat bukan sahaja membebaskan kerja, ia juga

mendedahkan kepada kesilapan disamping tidak menepati konsep menjaga kelestarian alam. Mesyuarat bebas kertas di panjangkan kepada mesyuarat-mesyuarat kecil yang lain.

Integrasikan sistem aplikasi yang ada untuk menjadikan maklumat dan pembayaran boleh di buat di hujung jari. Berpindah ke sistem elektronik akan dapat mengurangkan penggunaan kertas, kos dan `storage`.

Untuk orang ramai, tawaran insentif tunai dan mata ganjaran sentiasa menjadi tarikan. Penalti dan denda yang lebih berat di kenakan ke atas pihak-pihak yang menyumbang kepada terhasilnya sisa. Rancang pembelian, rancang penggunaan supaya tiada sisa yang akan masuk ke tempat pelupusan. Kitar semula barang yang ada atau 'up-cycle' barang yang ada. Pertandingan dan Pameran hasil barangan yang di kitar semula mampu membuka mata semua orang untuk menjadi lebih kreatif dan apresiatif.

Akhir sekali beliau mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan di harap agar Ramadan tahun ini tiada pembaziran. Fikir sebelum membeli, selamatkan poket, selamatkan bumi.

7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON

Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap kali ini.

7.2.1 Penyediaan Kemudahan dan Perkhidmatan Yang Berkualiti

Misi MBPJ antaranya adalah menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan penduduk Petaling Jaya terutama di dalam kawasan miskin bandar.

Selain daripada bas percuma, perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak majlis adalah seperti rawatan percuma kepada warga miskin di Petaling Jaya yang telah dilancarkan pada 18 April 2009 oleh YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman. Pada ketika itu seramai 376 orang telah menikmati kemudahan ini di Klinik Kesihatan MBPJ yang beroperasi di Sg. Jernih, Seksyen 8, Petaling Jaya.

Program ini dapat membantu meringankan beban kos rawatan kesihatan yang kian meningkat terutama bagi penduduk miskin Bandar.

Urusetia bagi program ini adalah di bawah Unit Kemiskinan Bandar, Jabatan Perancangan Pembangunan dan program ini telah dipindahkan ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan.

Bagi memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada penduduk berpendapatan rendah berikut adalah cadangan yang dikemukakan oleh beliau:-

- a) Majlis perlu menambahbaik dari segi hebahan kepada penduduk agar maklumat ini sampa ke akar umbi, memandangkan kawasan PJS terutama di kawasan DUN Taman Medan masih ramai golongan berpendapatan rendah di bawah RM2,000.
- b) Majlis perlu melibatkan kerjasama dengan Ahli Majlis untuk mengenalpasti penduduk atau pesakit baru yang layak menerima rawatan ini.
- c) Memandangkan kemudahan ini sudah berusia 10 tahun, Majlis perlu membuat proses pengemaskinian semula dan menilai kelayakan syarat supaya sasaran pesakit yang datang adalah benar-benar layak dan memerlukan rawatan agar manfaat yang disalurkan oleh pihak majlis kepada penduduk Petaling Jaya dapat diteruskan.


Akhir sekali beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada majlis yang sentiasa perihatin di dalam menjaga kebajikan penduduk dan warga Petaling Jaya. Semoga jasa baik serta budi warga kerja MBPJ dalam mentadbir kawasan Petaling Jaya akan dikenang dan Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada Jabatan Pelesenan kerana mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Jalinan Kasih kepada golongan ASNAF warga Petaling Jaya.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.48 tengahari. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis, dan semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat pada hari ini. Beliau turut mengucapkan selamat

SULIT

menyambut bulan Ramadan kepada semua yang beragama Islam, semoga dapat meningkatkan amal ibadah dan amal ibadah tersebut diterima olehNya.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 6 April 2019

18/23

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Tuan Johary bin Anuar, A.M.S.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.



14. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Loyis anak Uding
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Quratulain Atiqah bt Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Puan Pua Ghin Chu,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

1. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd. Razak, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
2. Encik Sugumararan a/l R Annamalai, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
3. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Farhan Haziq bin Mohamed, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
4. Tuan Ir. Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Puan Azizah binti Kosni,
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.

SULIT

13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam Dan Integriti, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Szu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
19. Puan Sr. Hajah Saliza binti Mohd Masri, M.R.I.S.M.,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak).
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

TURUT HADIR:

1. YB. Puan Maria Chin Abdullah,
Ahli Parlimen Petaling Jaya.
2. YB. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri,
ADUN Taman Medan.
3. YB. Tuan Halimey bin Abu Bakar,
ADUN Seri Setia.
4. YB. Tuan Shatiri bin Mansor,
ADUN Kota Damansara.



SULIT

URUSETIA:

1. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT